



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

# Islam jamin keselamatan bukan Muslim

Islam menjadi panduan kepada setiap Muslim dalam merancang dan menjalani kehidupan mereka. Setiap daripada kita seharusnya melakukan yang terbaik dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Islam sewaktu kita menjalani setiap aspek kehidupan.

Dalam mematuhi peraturan yang ditetapkan ini, ia memerlukan sikap dan tingkah laku tertentu terhadap anggota lain dalam masyarakat.

Satu ciri tersendiri diperlukan untuk kita berhubung dengan anggota masyarakat yang datang daripada pelbagai bangsa, kaum dan keturunan.

Muslim disuruh untuk berinteraksi dengan penuh ikhlas dan bertanggung-jawab. Sifat ikhlas ini

menjadikan tindakan seorang Muslim itu lebih terbuka dan berterus terang. Ia juga boleh menyebabkan seorang Muslim lebih peka akan tugas dan tanggung-jawabnya kepada masyarakat sekelilingnya.

Ciri yang tersendiri seperti ini boleh menonjolkan sikap adil dan saksama ketika seseorang Muslim berinteraksi dengan sesiapa pun sama ada Muslim atau bukan Muslim tanpa diskriminasi.

Perbezaan warna kulit, agama, bangsa, jantina atau warganegara tidak pernah menjadi isu dalam Islam. Ini kerana Muslim yang tidak memperlakukan golongan minoriti sama dengan yang lain adalah Muslim yang tidak mengikut prinsip digariskan dalam Islam

serta tidak konsisten dengan sejarah Islam.

Sewaktu Nabi Muhammad SAW menetap di Madinah, Baginda berjaya mewujudkan beberapa bentuk penjanjian sosial antara Muslim dengan penganut pelbagai agama termasuk Yahudi, Kristian dan Arab pagan.

Tuhan berfirman yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan.

"Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap

adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan." (**Surah al-Maidah, ayat 8**)

Pengertian ibadat dalam Islam tidak terhenti setakat amalan agama seperti solat dan puasa saja atau amalan ritual semata-mata tetapi ia merangkumi setiap perbuatan dilakukan oleh Muslim yang didasarkan kepada prinsip Islam dalam memenuhi keperluan mereka dan anggota masyarakat lain.

Dalam Islam, tanggungjawab sosial haruslah diutamakan kepada keluarga terlebih dulu, kemudian saudara-mara, jiran tetangga, kawan dan akhirnya anggota

masyarakat yang lain.

Kebebasan bagi Muslim dan bukan Muslim dijamin oleh undang-undang Islam. Perlembagaan Islam juga memberikan hak yang sama kepada setiap rakyat dan pada masa sama memulihkan nyawa dan harta mereka.

Sebagai contoh apabila Khalifah Umar RA mengetahui sesetengah daripada Muslim telah mengambil sebidang tanah milik seorang Yahudi dan membina sebuah masjid di atasnya, beliau memerintahkan untuk merobohkan masjid yang telah dibina dan tanah itu dipulangkan semula kepada orang Yahudi terbabit.

Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya: "Ketahuilah! Sesiapa yang menzalimi mu'ahid

(rakyat bukan Muslim), ataupun mengurangkan haknya ataupun membebarkannya di luar kemampuannya ataupun mengambil sesuatu (hak) daripadanya tanpa kerelaannya, maka aku menjadi penentang sesiapa yang berbuat demikian itu pada hari kiamat." (**Riwayat Abu Daud**)

Maka, berlaku adillah dalam urusan interaksi dan perhubungan dengan semua manusia tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan kepercayaan. Inilah keindahan Islam yang mestilah dipamerkan oleh semua orang bernama Muslim.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM**